

21/04/1997

Pengikut Pas perlu nilai fikiran pemimpin

BELUM sempat kita menilai perubahan sikap pemimpin Pas, kita disogokkan pula dengan sentimen dasar parti yang dibangkitkan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang mendakwa parti itu sukar bekerjasama dengan Umno. Alasan yang diberikan Umno mengamalkan dasar kebangsaan yang jauh berbeza dengan Pas yang didakwa mengamalkan dasar Islam.

Walaupun kita menganggap perdebatan ini sekadar mengulangi hujah lapuk Pas, kita juga berpendapat inilah masa yang agak terluang untuk pengikut parti itu menilai tahap pemikiran pemimpin parti mereka yang tidak pernah berkembang. Pemimpin Pas terutamanya Nik Aziz masih tidak dapat menilai kaitan antara dasar kebangsaan dan kemajuan ummah.

Pas sebenarnya tidak pernah melihat kebaikan orang lain dan paling buruk tidak mahu mengaku kelemahan sendiri. Memang inilah sebenarnya modal Pas untuk terus bertahan dalam konteks politik Malaysia. Pas cukup gerun dengan pengikutnya yang mungkin meninggalkan parti itu jika ada antara pemimpin parti itu mengakui Umno lebih berjasa kepada rakyat daripada Pas. Pas tidak dapat menerima hakikat Umno yang menerajui Barisan Nasional (BN) membawa kemajuan yang besar kepada umat Islam tanpa menjejaskan kepentingan kaum lain. Jika Pas mempersoalkan Umno sebagai sebuah parti yang mengamalkan dasar kebangsaan yang menyukarkan parti itu menjalin hubungan politik dengan Umno, kita tidak nampak pertalian persoalan yang ditimbulkan oleh parti itu. Dasar kebangsaan yang diamalkan Umno perlu dinilai dalam konteks yang lebih luas, bukan melihat dari sudut yang sempit. Dasar kebangsaan yang diamalkan Umno adalah untuk kesejahteraan semua rakyat, meningkatkan syiar Islam dan memajukan ekonomi rakyat dan umat Islam supaya tidak dipandang hina.

Jika Pas mendakwa mengamalkan dasar Islam, kita meragui kemampuan parti itu berbuat demikian melihat kepada corak organisasi dan topik yang menjadi perbincangan dalam parti itu. Pas lebih kepada parti yang asyik bercakap mengenai perkara remeh-temeh dan terlalu tertumpu kepada kumpulan tertentu. Jika Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan Pas lebih mirip kepada parti kedaerahan Kelantan, kita berpendapat ia bukanlah perkara yang boleh dipertikaikan oleh parti itu. Parti itu mungkin mempunyai Yang Dipertua dari Kedah dan Naib Yang Dipertua dari Terengganu di samping barisan dewan tertinggi dari negeri lain, tetapi tidak ada satu suara pun berani mempertikaikan mengapa Pas terlalu bersikap kekelantanan. Kita boleh bertanya kepada Pas apakah program yang dilakukan di negeri lain selain di Kelantan. Pas perlu akui bahawa kemajuan di Kelantan pun bukanlah usaha parti itu sepenuhnya. Tanpa bantuan Kerajaan Pusat, kita percaya rakyat Kelantan masih daif.

Setiap kita perlu mengakui bahawa sikap kedaerahan Kelantan dalam Pas begitu menebal. Imej yang cuba ditonjolkan ialah tanpa Pas di Kelantan, parti itu seolah-olah sudah tidak bernafas lagi. Pas di negeri lain terpaksa mengalah kepada ego pengikut Pas di Kelantan. Hakikatnya bagi pengikut Pas di Kelantan, mereka sebenarnya tidak mengambil kisah masalah ahli parti itu di negeri lain. Semua itu berlaku kerana Pas mampu berkuasa di Kelantan. Oleh itu, mereka mahu memastikan Kelantan tidak terlepas kepada BN. Di negeri lain, kerajaan memberi layanan sama rata kepada semua rakyat tanpa mengira penyokong kerajaan atau pengikut Pas. Oleh itu mereka berpendapat pengikut Pas di negeri lain adalah tanggungjawab kerajaan dan tidak ada kaitan dengan Pas. Kita berpendapat sudah sampai waktunya pengikut Pas di negeri lain menilai apakah sumbangan parti itu terhadap

kebijakan diri dan keluarga mereka. Apakah selama ini mereka tidak dapat membezakan antara kenyataan dan tindakan pemimpin mereka. Jika sekadar bercakap, kita yakin ramai yang boleh berbuat demikian. Tetapi kita juga perlu melihat apakah kemajuan yang dibawa kepada seluruh ummah. Jika sekadar bercakap apa yang dilakukan kerajaan tidak betul, kita juga meragui apakah ada satu program Pas yang luar biasa. Setakat ini kita tidak nampak Pas cenderung berusaha memajukan ummah selain mengulangi soal lama yang semata-mata berusaha meningkatkan kebencian pengikutnya terhadap kerajaan.

Pas perlu ingat, pengikut mereka tetap menilai sikap dan setiap kata-kata pemimpin mereka. Mereka tidak boleh selama-lamanya berselindung di sebalik Islam untuk kepentingan politik.

(END)